

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HKN 207 – Fiksyen dan Drama Melayu dan Indonesia Modern

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan : **SATU** soalan dari setiap Bahagian A, B, C dan D.

Bahagian A

1. Apabila berhadapan dengan karya fiksyen, pembaca akan menempatkan diri mereka dalam sebuah *kerangka bayangan fiksyonal*. Jelaskan maksud *kerangka bayangan fiksyonal* dan terangkan bagaimana anda menggunakan kerangka tersebut untuk memahami cerpen-cerpen “Dialog Pohon-Pohon” dan “Menunggu Ratu Adil.”
2. Membaca karya sastera dapat meninggikan nilai kerohanian. Bincangkan pernyataan ini berdasarkan cerpen-cerpen “Setangkai Melati Di Sayap Jibril” dan “Kacapiring” karya Danarto.

Bahagian B

3. Karya sastera merupakan dokumen sosial sesebuah masyarakat. Bincangkan pernyataan ini berdasarkan SAMA ADA novel **Ranjau Sepanjang Jalan** ATAU **Percikan**.
4. Novelis Indonesia sering mempersoalkan konflik dalam masyarakat mereka. Sejauhmanakah novel **Azab dan Sengsara** ATAU novel **Kroco** dapat menggambarkan kebenaran pernyataan ini?

Bahagian C

5. Bincangkan ideologi dan sikap Usman Awang berdasarkan drama **Matinya Seorang Pahlawan-Jebat**.
6. Bincangkan sejauhmanakah Motinggo Busye berjaya mempersoalkan “kejahanaman” manusia dalam drama **Malam Jahanam**?

Bahagian D

7. Bincangkan dengan kritis persoalan dan perwatakan dalam cerpen-cerpen “Dilarang Menyintai Bunga-Bunga” dan “Keras Hati.”
8. Plot merupakan salah satu unsur penting dalam menentukan kewajaran perkembangan cerita dan mutu sesebuah novel. Bincangkan pernyataan ini berdasarkan novel **Ranjau Sepanjang Jalan** dan **Kroco**.